



Teruja terima kunci rumah dari PM

TIADA kata-kata dapat menggambarkan kegembiraan buat 14 buah keluarga di sekitar Kota Bharu. Kelantan apabila hasrat mereka untuk memiliki rumah sendiri menjadi kenyataan menerusi program Rumah Mesra Rakyat (RMR) oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Lebih istimewa, kesemua penerima bertuah itu menerima kunci rumah masing-masing daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hadir sama pada majlis tersebut Pengerusi SPNB, Datuk Husam Musa.

Rata-rata penerima dilihat begitu teruja dapat melihat secara dekat selain berbual-bual ringkas dengan pemimpin nombor satu negara itu.

RMR merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam membantu penduduk di negara ini memiliki mahligai idaman yang sempurna.

■ ANWAR Ibrahim (tengah) menyerahkan replika kunci rumah salah seorang penerima pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB di Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/ROSMIZAN RESDI